



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 6, Wisma Sri Pahang,

25592 Kuantan.

Tel.: 09-512 6800 Fax.: 09-513 4839

Kawat: 'TREASURER' E-mail: pkn@pahang.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 3361

Rujukan kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 (30)

Tarikh : 30 Mac 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan,

KEPERLUAN KAJIAN PASARAN BAGI PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS BERNILAI KURANG RM20,000.00 DI PERINGKAT NEGERI PAHANG

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan sedia maklum, tatacara kewangan dan perolehan yang berkuatkuasa mensyaratkan mana-mana perolehan secara Pembelian Terus memerlukan bukti kajian pasaran iaitu sekurang-kurangnya melibatkan tiga (3) tawaran harga oleh syarikat. Berdasarkan pemerhatian, Pentadbiran ini mendapati terdapat beberapa Jabatan yang mengalami kesukaran dalam melaksanakan kajian pasaran ekoran jumlah syarikat yang terhad khususnya di peringkat daerah.

3. * Bagi memastikan kelancaran proses perolehan di peringkat Jabatan, maka Pentadbiran ini bersetuju untuk memberikan kelonggaran dengan menetapkan mana-mana perolehan kecil bernilai kurang RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) tidak memerlukan bukti kajian pasaran. Ketua Jabatan boleh menggunakan budi bicara untuk meluluskan perolehan tersebut dan memastikan perolehan tidak tertumpu kepada satu syarikat sahaja.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.)**

Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur